



SIARAN AKHBAR

FESTIVAL RODA & GINCU SEMPENA MINGGU KEUSAHAWANAN DAN PKS WILAYAH SELATAN 2019 SASAR 20,000 PENGUNJUNG & 120 PEMBABITAN USAHAWAN TEMPATAN

TANGKAK, 2 OGOS 2019 - Seramai 20,000 pengunjung disasarkan akan menghadiri Festival Roda & Gincu dengan penyertaan 120 usahawan tempatan yang telah berlangsung di Dataran Tangkak sejak 1 hingga 4 Ogos 2019. Festival ini diadakan sempena Minggu Keusahawanan dan PKS Wilayah Selatan 2019 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui anak syarikat Kumpulan Permodalan Darul Ta'zim (PDT), Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB) dengan kerjasama SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Menteri Besar Johor, Dato' Dr Sahruddin Jamal berkata sebanyak 36 program akan dilaksanakan sepanjang festival ini berlangsung. "Kerajaan Negeri Johor menyasarkan RM100,000 hasil dari jualan di gerai pameran dan RM3 juta hasil dari potensi jualan menerusi 30 sesi padanan perniagaan. Kita yakin sasaran itu mampu dicapai apabila melihat penglibatan usahawan yang akan turut serta pada festival ini," katanya pada Majlis Perasmian Festival Roda & Gincu 2019.

Ditanya mengenai simbolik pemilihan nama festival, katanya kerana nama roda membawa maksud semua jenis perusahaan atau perniagaan yang menggunakan roda contohnya seperti *foodtruck*, mekanik dan bengkel. Manakala nama gincu pula, melambangkan kewanitaan di mana penglibatan wanita di dalam bidang perniagaan tidak terkecuali.

Turut hadir ke Majlis Perasmian Festival Roda dan Gincu 2019 ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor, Tuan Sheikh Umar Bagharib Ali bersama Pengurus Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan Negeri Sembilan, Dr Mohamad Rafie Ab Malek serta Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani Melaka, Norhizam Hassan Baktee.

Antara tarikan festival ini adalah Pameran Produk Usahawan, Kaunter Info Keusahawanan, Karnival Kerjaya Johor Bistari, Jelajah Usahawan Belia, Jualan Murah, Jualan Produk Pertanian, *Pocket Talk* Agensi Keusahawanan, Padanan Perniagaan dan pelbagai lagi.

Padanan perniagaan yang diadakan di wilayah Selatan merangkumi negeri Johor, Negeri Sembilan dan Melaka ini berupaya meningkatkan jaringan perniagaan dan memacu perusahaan kecil dan sederhana untuk meningkatkan lagi jumlah pendapatan mereka. Antara syarikat peneraju yang terlibat dalam sesi ini ialah Kapitan Mart, Pasaraya Songmart, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra

Gugusan Bayai Jempol Berhad, Koperasi Iskandar Malaysia Berhad (IMCoop), Koperasi dan Mydin.

Pada tahun 2017, PKS telah menyumbang sebanyak 37.1 peratus kepada KDNK, 66 peratus kepada guna tenaga dan 17.3 peratus kepada eksport negara. Sumbangan PKS kepada ekonomi negara dijangka akan menjadi lebih signifikan bukan hanya sebagai pendorong tetapi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, program Jejak PKS yang merupakan siri jelajah bersama pihak media akan turut diadakan pada 3 Ogos 2019 di Melaka. Melalui program ini lawatan akan dibuat ke premis syarikat PKS bagi mempromosi dan memberi pendedahan kepada umum mengenai produk dan perkhidmatan serta amalan perniagaan terbaik PKS yang dilawati.

****TAMAT****

Mengenai Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB)

Ditubuhkan pada tahun 2001, Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) merupakan anak syarikat kumpulan Permodalan Darul Ta'zim (PDT) yang bertanggungjawab menjadi pusat sehenti dan sumber rujukan utama usahawan bagi mendapatkan maklumat dan informasi agensi keusahawanan peringkat kerajaan persekutuan dan kerajaan Negeri Johor. PUJB juga bertanggungjawab meningkatkan keupayaan PKS Bumiputera Johor untuk bersaing di peringkat global selain bertindak menjadi penyelaras dan pemantau program-program pembangunan keusahawanan di dalam Negeri Johor.

Mengenai SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.

HUBUNGI

Permodalan Darul Ta'zim

Saif Arman
Pegawai Komunikasi Strategik
Perhubungan Strategik & Tugas Khas
Permodalan Darul Ta'zim
Pejabat : 07 557 0404 Telefon Bimbit : 010 400 1044

Fazi Sharif
Ketua Komunikasi Strategik
Perhubungan Strategik & Tugas Khas
Permodalan Darul Ta'zim
Pejabat : 07 557 0404 Telefon Bimbit : 018 285 0379

SME Corp. Malaysia

Nor Azian Md Yusof
Pengurus, Bahagian Pengurusan Korporat
SME Corp. Malaysia
Pejabat : 03 2775 6174 Telefon Bimbit : 012 263 4889

Nor Eryani Mat Aziz
Eksekutif, Bahagian Pengurusan Korporat

SME Corp Malaysia
Pejabat : 03 2775 6133 Telefon Bimbit : 011 1014 5775
Talian Info: 1-300-30-6000 Talian Faks: 03-2775 6001